

**Pengundi hantu: Penyokong pembangkang dan Umno bergaduh di Kampung Bkt Badong**  
**Malaysiakini.com**  
**Apr 28, 2007**  
**Muda Mohd Noor**

Pergaduhan tercetus antara penyokong pembangkang dan Umno di sebuah masjid di Kampung Bukit Badong ketika mereka mahu menghalang dua buah bas yang disyaki membawa pengundi hantu, daripada meninggalkan kawasan tersebut.

Pergaduhan itu berlaku kira-kira jam 4.00 petang tadi membabitkan kira-kira 20 penyokong kedua belah pihak. Kira-kira 10 anggota polis bergegas ke tempat kejadian untuk mengawal keadaan.

Sebelum itu, dua bas berkenaan yang dipercayai dari utara, singgah masjid itu dan menurunkan kira-kira 80 orang penumpang, kebanyakan wanita yang kemudiannya berjalan kaki ke pusat pengundian yang terletak kira-kira 500 meter dari situ.

Kedua-dua bas persiaran itu yang beralamat di Perlis, tiba kira-kira jam 3.40 petang dan penumpangnya kemudiannya berjalan menuju ke arah kumpulan penyokong BN.

Keadaan itu menimbulkan rasa tidak puashati di kalangan penyokong PKR dan PAS yang mengesyaki penumpang tersebut adalah pengundi hantu.

Berikutan itu, berlaku cabar-mencabar antara penyokong kedua-dua belah pihak, menyebabkan pasukan anggota Unit Simpanan Persekutuan (FRU) tiba untuk mengawal keadaan.

Pada mulanya orang ramai hanya kira-kira 100 orang tetapi jumlahnya bertambah kepada hampir 700 orang, terutama di pintu pagar tempat pusat mengundi di Sekolah Kebangsaan Bukit Badong.

Mereka terus cabar mencabar dan penyokong PKR tetap mendakwa penumpang bas itu adalah pengundi hantu.

### **Kepung bas**

Keadaan semakin gamat kerana lebih ramai orang dari luar pusat pengundian tersebut berhimpun di situ, menyebabkan polis terpaksa bekerja keras untuk mengawal keadaan.

Beberapa penduduk di situ mendakwa tidak ada orang Melayu bercakap dialek utara yang tinggal di kampung tersebut, dan oleh itu mereka mencurigai kehadiran penumpang bas berkenaan.

Kira-kira jam 3.57 petang, orang ramai mula menyerbu ke masjid berkenaan apabila ternampak sebuah daripada bas itu mahu meninggalkan tempat itu.

Keadaan itu mencetuskan pergaduhan antara penyokong PKR dan Umno yang mendakwa penyokong PKR cuba menghalang kedua-dua bas berkenaan daripada meninggalkan kawasan tersebut.

Bagaimanapun, anggota polis dapat meleraikan keadaan itu. Namun ketika laporan itu dibuat, orang ramai masih mengerumuni kedua-dua bas tersebut daripada meninggalkan kawasan berkenaan.

Difahamkan cermin kereta panduan empat roda yang digunakan untuk menghalang perjalanan bas itu turut dipecahkan.

Kedua-dua bas tersebut, bersama penumpangnya kemudiannya dibawa ke pondok polis Pekan Ijok.

Ratusan penyokong PKR berhimpun di situ sambil melaungkan 'reformasi'. Manakala pemimpin PKR, Ezam Mohd Noor dan Shamsul Iskandar serta pemimpin DAP, Ronnie Liew, masuk ke pondok polis tersebut.

Mereka kemudiannya meminta para penyokong pembangkang supaya pulang ke semula ke tempat jagaan masing-masing.

Berikutan itu, polis telah mengambil tindakan menutup jalan utama dari Batang Berjuntai ke pekan Ijok pada jam 4.55 petang.

Polis turut menahan 14 orang dari parti pembangkang - 12 dari PKR, seorang dari DAP dan seorang dari PAS - ekoran laporan polis yang dibuat pihak BN. Mereka dibebaskan kemudiannya dengan jaminan polis.

Manakala kedua-dua bas tersebut juga kemudiannya dibenarkan berlepas pulang ke Perlis.

### **Reaksi Khairy**

Sementara itu, Naib Ketua Pemuda Umno, Khairy Jamaluddin memberitahu pemberita di luar balai polis pekan Ijok bahawa penumpang kedua-dua bas berkenaan adalah penyokong Umno Perlis.

"Mereka adalah penyokong saya dari Perlis, yang hendak balik kampung," katanya yang kelihatan berang dengan kejadian tersebut.

Sehubungan itu, beliau meminta pihak polis menyiasat tindakan parti pembangkang menahan bas-bas berkenaan.

Jika mereka bukan pengundi, katanya, PKR bertanggungjawab sepenuhnya kerana bertindak menahan penyokong Umno tersebut.

Khairy juga menyifatkan kejadian itu sebagai 'sejenis keganasan fizikal' terhadap penyokong Umno.

Ditanya mengapa mereka tidak memakai baju atau sebarang tanda yang menunjukkan mereka adalah penyokong Barisan Nasional, Khairy berkata, mereka sudahpun menukar baju untuk pulang ke kampung.